

16/08/2003

22 korporat sumbang 4.4 juta pound untuk CPTM

DUA puluh dua syarikat Malaysia menyumbang sejumlah 4.4 juta pound untuk dana khas Perkongsian Komanwel Bagi Pengurusan Teknologi (CPTM) yang dilancarkan sempena Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID)-Global 2003.

Penyumbang terbesar termasuk Petronas (500,000 pound), Tenaga Nasional Bhd dan Resorts World Berhad masing-masing 400,000 pound dan Malaysian Mining Corporation (300,000 pound).

Dana itu, yang mempunyai sasaran mengumpul 11 juta pound, turut menerima sumbangan beberapa negara termasuk Malaysia (1 juta pound), Uganda (250,000 pound) manakala Mauritius, Bangladesh dan Swaziland masing-masing 100,000.

Setakat ini, 5.7 juta pound sudah diterima manakala beberapa lagi negara dan syarikat pula memberi jaminan untuk menyumbang lebih dua juga pound.

Bercakap kepada pemberita sebelum majlis pelancaran dana itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencadangkan supaya negara anggota berusaha mendapatkan sokongan sektor swasta masing-masing dalam usaha meningkatkan kutipan dana itu.

"Saya fikir syarikat di United Kingdom juga boleh memberi sumbangan," katanya yang melancarkan dana itu bersama Raja Swaziland, Raja Mswati III dan bekas Presiden Botswana Sir Ketumile Masire.

Dana itu akan digunakan untuk membeli bangunan CPTM yang berpangkalan di London. Sebagai menempatkan sekretariat CPTM, sebahagian ruang bangunan itu juga akan disewa bagi membiayai aktiviti badan itu.

Ahli CPTM membabitkan kerajaan, sektor awam dan swasta anggota Komanwel.

Pada masa ini, CPTM menyewa pejabat di London, selain mempunyai pusat di Malaysia, Botswana, Barbados, Lesotho, Namibia, St Lucia, Swaziland, Uganda dan Zimbabwe.

CPTM diwujudkan bagi meningkatkan kerjasama antara sektor awam dan swasta berteraskan konsep 'menang-menang' dan 'memakmurkan negara jiran'.